



JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA
جباةان مةنرال دان جةسائس ماليسيا



Waktu Melawat / Visiting Hours

Isnin hingga Khamis (Monday to Thursday)	09.00 am - 12.30 pm 02.00 pm - 04.30 pm
Jumaat (Friday)	09.00 am - 12.00 pm 03.00 pm - 04.30 pm
Sabtu & Ahad (Saturday & Sunday)	Tutup Closed
Hari Kelepasan Am (Public Holidays)	Tutup Closed
Bayaran Masuk (Entrance Fees)	Percuma Free Admission

Alamat Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
(Address) Jalan Sultan Azlan Shah,
31400 Ipoh, Perak.
Telefon 05-540 6000
Faks 05-540 6100

Lawatan berkumpulan (Group visits):-

- Sila majukan permohonan kepada (Please forward application to):-
Pegarah Perkhidmatan Teknikal,
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Ipoh, Perak.
atau (or);
- Memohon atas talian di (Apply online at):
<http://www.jmg.gov.my>

Pernahkah terlintas dalam fikiran anda berapakah usia Bumi? Adakah anda ingin menerokai pelbagai khazanah geologi bumi kita yang tersembunyi? Lawati Muzium Geologi Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia untuk mengetahui dengan lebih lanjut.

Pengenalan Muzium Geologi ditubuhkan pada 1957 dengan perletakan batu asas bangunan oleh Raja Muda Perak, Raja Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Iskandar Shah. Muzium ini merupakan sebahagian daripada kompleks Jabatan Mineral dan Geosains dan memainkan peranan penting sebagai pusat pembelajaran dan pendidikan geologi dan geosains di negara kita.

Galeri Muzium Melangkah ke dalam Muzium Geologi dan anda akan kagum dengan rekabentuk dan susunatur yang menarik. Ruang pameran Muzium dibahagikan kepada tujuh zon A hingga G dengan jalan cerita yang mudah difahami untuk menambah pengetahuan geologi anda. Jalan cerita bermula dengan struktur dan ciri-ciri geologi bumi, sejarah bumi, pameran pelbagai spesimen geologi, kegunaan, perlombongan dan eksplorasi mineral, dan diakhiri dengan cerita bagaimana geologi dapat menyumbang kepada kekayaan dan kesejahteraan manusia.

Koleksi Muzium Geologi mengumpulkan koleksi unik pelbagai jenis fosil, batuan, mineral, batu permata berharga dan separa-berharga dari dalam dan luar negara. Muzium ini juga mempamerkan beberapa sampel kasiterit (bijih timah) menarik yang ditemui dalam lombong timah di Lembah Kinta, Perak disamping diorama pelbagai kaedah melombong bijih timah yang kini kekal sebagai warisan negara. Model dan ilustrasi grafik 3-D berkenaan sumbangan geologi kepada pembinaan infrastruktur utama, pembangunan sumber air tanah dan promosi warisan geologi Malaysia sebagai produk pelancongan juga dipaparkan di dalam muzium ini.

Ever wondered how old planet Earth was? Would you like to uncover an amazing array of hidden geological treasures of our Earth? Then visit the Geological Museum of the Minerals and Geoscience Department Malaysia to discover more.


Introduction The Geological Museum was first established in 1957 when Raja Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Iskandar Shah, the Raja Muda of Perak officially laid the foundation stone of the building. The Museum forms part of the Minerals and Geoscience Department's Complex and plays an important role as a learning and education centre for geology and geosciences in the country.

Museum Gallery Walk into the Geological Museum and be pleasantly amazed with the impressive state-of-the-art design and layout of the Museum. The exhibition hall is thematically divided into seven zones A to G with an easy-to-understand storyline to enrich your thoughts on geology. The storyline begins with the structure and geological features of planet Earth, pageant of Earth history, display of geological specimens, uses, mining and exploration of minerals, and finally ending up with how geology can contribute towards the wealth and well-being of Mankind.

Collection The Geological Museum brings together a diverse and unique collection of fossils, rocks, minerals, precious and semi-precious gemstones from within and outside the country. The Museum also showcase some of the finest cassiterite (tin ore) samples found in the rich tin fields of the Kinta Valley, Perak and a diorama of different tin mining methods which now remains a legacy of the country. Illustrative 3-D graphics and models on the contributions of geology for major infrastructure construction, development of groundwater resources and the promotion of Malaysia's rich geological heritage as a tourism product are also highlighted in the Museum.

Pelan Lantai Muzium Geologi

Geological Museum Floor Plan




zonA

- Sejarah Muzium & Jabatan
History of the Museum & Department
- Sejarah Bumi
History of the Earth
- Mural Struktur Geologi
Geological Structures Mural



zonE

- Aktiviti Perlombongan
Mining Activities



zonF

- Aktiviti Explorasi Mineral & Geologi Marin
Mineral Exploration & Marine Geology Activities



zonB

- Dinosaur & Fosil
Dinosaur & Fossils
- Batuan
Rocks



zonC

- Mineral, Kristal & Batu Permata
Minerals, Crystals & Gemstones



zonG

- Bencana Geologi
Geological Hazards
- Lombong & Kuari
Quarry & Mines
- Hidrogeologi
Hydrogeology
- Geologi & Pembangunan Negara
Geology & Nation Building
- Sumber Mineral
Mineral Resources
- Geowarisan
Geoheritage
- Produk JMG
JMG Products
- Penyelidikan & Pembangunan
Research & Development
- Perkhidmatan Makmal
Laboratory Services



zonD

- Kegunaan Mineral
Uses of Minerals

